



KPM.600-12/1/6 Jld. ()
6 November 2020

YBRS. PROF. TS. DR. FAIDZ ABD RAHMAN

Naib Presiden
R&D dan Pengkomersilan
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long
Bandar Sungai Long
Kajang
43000 SELANGOR.

YBrs. Prof. Ts. Dr.,

PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM E-KLESF DALAM TEMPOH PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) 2020

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak YBrs. Prof. Ts. Dr. bertarikh 5 November 2020 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak YBrs. Prof. Ts. Dr. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak YBrs. Prof. Ts. Dr. serta **tiada halangan** bagi murid menyertai program e-KLESF 2020 secara dalam talian yang diadakan pada 12 hingga 20 Disember 2020 sahaja selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;

...2/-

- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat;
- 4.9 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.10 Pihak penganjur digalakkan untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian;
- 4.11 Selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung seperti gotong-royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksanakan secara bersemuka);
- 4.12 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah;
- 4.13 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM dalam tempoh 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum; dan
- 4.14 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

5. Surat kebenaran ini **hanya** untuk **Universiti Tunku Abdul Rahman** yang akan menjalankan program **e-KLESF 2020 secara dalam talian yang diadakan pada 12 hingga 20 Disember 2020 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBrs. Prof. Ts. Dr. boleh menghubungi **Puan Rizawani binti Mustafa** di talian **03-88841174** atau e-mel **rizawani@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

ZK/rm

- sk:
1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
 2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid JPN)

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan
- 3.0 Mod Pelaksanaan
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
10										
11										
12										
13										
14										
15										
16										
JUMLAH										

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (**** Jika berkaitan*)
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) (**** Jika berkaitan*)
- 8.0 Pemenang (**** Jika berkaitan*)
- 9.0 Isu dan cabaran
- 10.0 Cadangan penambahbaikan
- 11.0 Gambar

Disediakan Oleh:

Tarikh: